

Anak peneroka patut jadi pengurus: PM

BH 14 JUL 1990

KELANA JAYA, Jumaat — Kerajaan mahu anak peneroka Felda menguruskan sendiri ladang Felda yang digabungkan sebagai estet besar supaya ia tidak dijual kepada pihak lain.

Sehubungan itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata kerajaan akan mengekalkan industri perladangan sebagai jaminan kepada masa depan ekonomi negara jika berlaku sesuatu kepada industri pembuatan.

Katanya, tiba masanya ladang Felda digabungkan dan diuruskan oleh anak peneroka kerana "di negara ini, ladang besar yang jumlah keluasan hanya separuh daripada jumlah keluasan kebun kecil menghasilkan pendapatan sekali ganda lebih tinggi daripada ladang kecil."

Perdana Menteri berkata demikian ketika merasmikan asrama Semai Bakti Kelana

Jaya dan penyampaian sijil saham koperasi permodalan Felda. Turut hadir ialah Menteri Kemajuan Tanah dan Wilayah, Datuk Kasitah Gaddam dan Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Haji Muhd Taib.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, sungguh pun anak peneroka boleh menyertai bidang lain, sebilangan mereka harus menjadi pengurus estet.

"Jika mereka terpaksa balik ke skim Felda, eloklah mereka balik sebagai pengurus estet yang cekap. Anak peneroka tidak harus memandang rendah terhadap profesion ini.

"Dalam hal ini, mereka mesti lebih berpengetahuan dalam bidang ekonomi moden supaya wang dapat diuruskan dengan baik kerana kecekapan pengurusan wang saja yang akan menentukan sama ada kita berjaya atau tidak.

"Kita juga berhak menikmati kehidupan yang setaraf dengan bangsa lain yang

maju dan kita tidak ingin kekal sebagai bangsa yang miskin, mundur dan terhina kerana pencapaian kita yang kurang daripada orang lain," katanya.

Perdana Menteri berkata, sistem pemilikan tanah juga perlu dipinda dan digantikan dengan pemilikan saham untuk disesuaikan dengan peredaran zaman.

"Sikap ingin memiliki tanah kerana inginkan tanah semata-mata sudah tidak sesuai lagi. Bergantung kepada tanah semata-mata adalah pendirian yang lapuk. Apa yang penting ialah hasil yang datang daripada tanah yang diusahakan dan bagaimana kita menggunakan tanah itu untuk mendapatkan pulangan lebih baik.

"Oleh itu, di rancangan baru Felda, peneroka ditawarkan saham dan saya fikir, jika masyarakat ingin maju, inilah satu cara yang patut diikuti," katanya.